

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 12 MEI 2010
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yg Berusaha Tuan Haji Rusli Abdul Hamid, Pendaftar
UniMAP,

Yg. Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yg Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan,

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

TALKING POINT

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi ini.
- Rasanya masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua ibu-ibu di Universiti Malaysia Perlis yang telah banyak berkorban dalam mendidik dan membesarkan anak-anak dengan penuh kasih sayang. Segala pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan anda memang tidak terbalas.
- Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Jururawat yang jatuh pada hari ini, kepada semua jururawat UniMAP yang sentiasa berdedikasi dalam menjalankan tugas untuk memastikan warga UniMAP berpuas hati atas rawatan yang diberikan.

Hadirin hadirat sekalian,

- Seperti yang anda semua sedia maklum, dalam bulan Mei ini pelbagai program dianjurkan oleh setiap jabatan dan kementerian di negeri ini sempena Sambutan Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis. Kita di UniMAP juga tidak mahu ketinggalan untuk turut merai dan memeriahkan sambutan ini.
- Oleh itu, saya berharap agar kawasan kampus UniMAP akan turut diterangi dengan cahaya lampu bergemerlapan sebagai salah satu cara untuk turut sama menceriaikan Sambutan Hari Keputeraan DYMM Raja Perlis ke -67 ini.
- Bukan itu sahaja, malah kita turut menganjurkan pelbagai aktiviti untuk memeriahkan sambutan Keputeraan DYMM Raja Perlis ini. Antara aktiviti tersebut ialah 'cage futsal' yang telah berlangsung baru-baru ini. Sambutan penyertaan yang kita terima untuk cage futsal sangat menggalakkan. Saya berasa sangat puas hati dengan sambutan yang diberikan ini. Akan datang, kita juga bakal menganjurkan Konsert Seni Diraja yang akan berlangsung pada 26 Mei 2010 ini. Saya menyeru agar semua kakitangan UniMAP untuk sama-sama hadir memeriahkan Konsert Seni DiRaja itu nanti.

- Mungkin ramai yang sudah mengetahui, pada 18-20 Mei ini kita akan menerima lawatan dari panel EAC untuk menilai program-program yang ditawarkan di UniMAP, oleh itu marilah kita sama-sama berdoa agar dengan kehadiran wakil EAC kali ini dapat mengakhiri kemelut berkaitan akreditasi yang kita hadapi selama ini setelah kita mengikuti semua kehendak yang telah ditetapkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

- Saya percaya ada diantara kita yang bertuah kerana terpilih untuk melawat ke negara asing untuk melihat budaya kerja luar.
- Peluang ini seharusnya tidak disia-siakan dengan menganggap peluang yang diberikan itu hanya untuk bersiar-siar semata-mata. Kita perlulah mengambil kesempatan tersebut untuk meneliti dan mengambil contoh positif masyarakat setempat supaya wang yang dikeluarkan kerajaan itu tidak dibazirkan.
- Jika kita berpeluang untuk melawat ke negara asia maju seperti Jepun, China dan sebagainya. Dapatkah kita melihat perbezaan cara hidup mereka berbanding dengan kita? Perbandingannya cukup mudah, cuba

bandingkan kelajuan mereka berjalan dengan cara kita berjalan.... saya pasti jawapannya pasti mereka berjalan lebih laju daripada kita sedangkan saiz mereka adalah lebih kurang sama dengan kita.

- Hal ini sekaligus menggambarkan cara mereka bekerja. Mereka ini bergerak pantas kerana mereka mementingkan ketepatan masa dan sangat berdedikasi dalam melaksanakan tugas yang diberikan agar memastikan setiap kerja atau tugas yang diberikan itu tidak tertangguh.
- Jika kita perhatikan, masyarakat kita selalu dalam keadaan 'leisure', makan angin sambil memerhatikan keadaan sekeliling. Ini sebenarnya melambangkan perwatakan diri mereka sendiri dalam bidang pekerjaan. Masyarakat kita selalu memandang enteng dan bersikap "tak apa" dalam setiap tugas yang diamanahkan kepada mereka. Budaya "tak apa" ini sebenarnya menjadi penyakit berjangkit dalam masyarakat kita.
- Sebagai contoh apabila sesebuah jabatan kerajaan yang diamanahkan untuk melaksanakan sesuatu tugas yang memerlukan setiap kakitangan mengambil bahagian dalam tempoh masa yang ditetapkan, tetapi didalam jabatan tersebut mempunyai seorang

kakitangan yang bersikap “tak apa” nescaya, tugas tersebut tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan kerana virus “tak apa” yang dibawa itu akan berjangkit kepada kakitangan yang lain.

- Mereka yang mengamalkan sikap atau memandangkan sesuatu masalah itu normal akan mengundang bahaya, dan ini sebenarnya yang selalu terjadi pada kita.

”Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri....”

Keterangan ayat di atas ialah:

- Perubahan sikap
 - Sentiasa memperbaiki mutu kerja
 - Mesti berusaha untuk berjaya
 - Tidak boleh malas/berpeluk tubuh
 - Mesti berikhtiar
-
- Cuba kita lihat etika kerja dari negara matahari terbit (Jepun). Mereka mementingkan prinsip perniagaan yang teguh, profesionalisme dan mengubahsuai idea. Hal ini

kerana orang Jepun mempunyai satu pegangan konsep iaitu konsep “Kaizen” dalam melaksanakan kerja.

- Mungkin ada yang *‘familiar’* dengan perkataan tersebut dan saya rasa ada juga yang mendengarnya buat kali pertama. Konsep Kaizen adalah satu proses penambahbaikan yang berterusan bagi mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi dari semasa ke semasa. Dan saya berharap agar kakitangan UniMAP bersedia untuk berubah dari semasa ke semasa.
- Sebelum mengakhiri ucapan, terimalah serangkap pantun dari saya:

**Daun sireh dimakan Cik Nan
Dimakan bersama dengan Kak Asmah
Kalau mahu kecapai kejayaan
Janganlah takut untuk berubah**

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh....